



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 19
No. 17

14hb Ogos, 1975

*TAMBAHAN No. 52
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 242.

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

DAN

AKTA (CUKAI PENDAPATAN) PETROLIAM, 1967

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 Akta Cukai Pendapatan, 1967, dan seksyen 65A Akta (Cukai Pendapatan) Petroliaam, 1967, Menteri dengan ini membuat perintah yang berikut: *Akta 53.
45/67.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Switzerland), 1975.**

2. Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang tersebut dalam Jadual kepada Perintah ini telah dibuat dengan Majlis Persekutuan Swiss dengan tujuan memberi pelepasan dari cukai dua kali berhubung dengan Cukai Malaysia dan Cukai Swiss (sebagaimana ditakrifkan, tiap-tiap satunya, dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah mustahak supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

**PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN
MAJLIS PERSEKUTUAN SWISS BAGI MENGELAKKAN CUKAI
DUA KALI BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS
PENDAPATAN**

KERAJAAN MALAYSIA DAN MAJLIS PERSEKUTUAN SWISS,

Dengan tujuan hendak membuat suatu Perjanjian bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali atas Pendapatan,

Telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

BIDANG DIRI

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang bermastautin di satu atau di kedua-dua Negara Berjanji.

Perkara 2**CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI**

1. Cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini ialah:
 - (a) di Malaysia—
 - (i) cukai pendapatan;
 - (ii) cukai pendapatan tambahan, iaitu cukai keuntungan timah, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan
 - (iii) cukai pendapatan petroliaam(kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”);
 - (b) di Switzerland—

cukai-cukai Persekutuan, wilayah dan kaum atas pendapatan (jumlah pendapatan, pendapatan dari kerja, pendapatan daripada modal, keuntungan-keuntungan perindustrian dan perdagangan, laba modal, dan lain-lain jenis item pendapatan)

(kemudian daripada ini disebut “Cukai Swiss”).
2. Perjanjian ini hendaklah juga dipakai bagi cukai-cukai lain yang serupa pada isinya dengan yang disebutkan dalam perenggan yang terdahulu dari ini yang dikenakan sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai yang ada sekarang di mana-mana satu Negara Berjanji selepas tarikh penandatngani Perjanjian ini.
3. Pihakberkuasa-pihakberkuasa layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah memberitahu satu sama lain apa-apa perubahan yang mustahak yang telah dibuat pada undang-undang percukaian masing-masing.
4. Perjanjian ini tidak dipakai kepada cukai jangkaan Persekutuan yang ditahan dipunca di atas hadiah-hadiah dalam suatu loteri.

Perkara 3**TAKRIF-TAKRIF AM**

- I. Dalam Perjanjian ini, melainkan (jika) kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :
 - (a) istilah “Malaysia” ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk apa-apa kawasan yang bersempadan dengan perairan Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia berkenaan dengan Pelantar Benua sebagai suatu kawasan yang di dalamnya hak-hak Malaysia mengenai dasar laut dan hasil-hasil buminya boleh dijalankan;
 - (b) istilah “Switzerland” ertinya Persekutuan Swiss;
 - (c) istilah “satu daripada Negara-negara Berjanji” dan “Negara Berjanji yang satu lagi itu” ertinya Malaysia atau Switzerland, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
 - (d) istilah “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Swiss, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
 - (e) istilah “syarikat” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan di bawah undang-undang percukaian tiap-tiap satu Negara Berjanji;
 - (f) istilah “orang” hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam undang-undang percukaian yang berkuatkuasa di tiap-tiap Negara Berjanji;

- (g) istilah “enterprais Malaysia” dan “enterprais Swiss” masing-masing ertinya sesuatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin Malaysia dan suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin Switzerland;
- (h) istilah “enterprais bagi satu daripada Negara-negara Berjanji” dan “enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu” ertinya suatu enterprais Malaysia atau Swiss, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (i) istilah “pendapatan” termasuk untung;
- (j) istilah “rakyat” ertinya semua orang perseorangan yang menjadi warganegara satu daripada Negara-negara Berjanji dan semua orang yang sah di sisi undang-undang, persatuan-persatuan dan entiti-entiti lain yang memperolehi tarafnya sedemikian daripada undang-undang yang berkuatkuasa dalam satu daripada Negara-negara Berjanji;
- (k) istilah “lalulintas antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan dengan suatu kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh suatu enterprais kepunyaan satu daripada Negara-negara Berjanji, melainkan apabila kapal atau kapaludara itu dikendalikan semata-mata antara tempat-tempat di dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu;
- (l) istilah “pihakberkuasa layak” ertinya, berkenaan dengan Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa, dan berkenaan dengan Switzerland, Pengarah Pentadbiran Cukai Persekutuan atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Dalam pemakaian Perjanjian ini oleh satu daripada Negara-negara Berjanji, apa-apa istilah yang tidak ditafsirkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang Negara Berjanji itu berkenaan dengan cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini

Perkara 4

DOMISAL DARI SEGI FISIKAL

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji” dan “pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu” ertinya seorang pemastautin Malaysia atau seorang pemastautin Switzerland, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya; dan istilah “pemastautin Malaysia” ertinya seseorang yang bermastautin di Malaysia; dan istilah “pemastautin Switzerland” ertinya seseorang yang bermastautin di Switzerland bagi maksud-maksud cukai Swiss.

2. Jika oleh kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini seorang perseorangan adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut :

- (a) Ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika ia mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat;

- (b) Jika Negara Berjanji yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat tidak dapat ditentukan, atau jika ia tidak mempunyai rumahtangga yang tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
 - (c) jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Berjanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Berjanji di mana ia adalah seorang warganegara;
 - (d) jika ia adalah seorang warganegara bagi kedua-dua Negara Berjanji atau bukan seorang warganegara bagi mana-mana satu Negara Berjanji, maka pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah menentukan soal itu dengan persetujuan bersama.
3. Jika oleh kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini seorang yang lain daripada seorang perseorangan adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin bagi Negara Berjanji di mana terletaknya pengurusan yang berkesan.

Perkara 5

PERTUBUHAN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah “pertubuhan tetap” ertinya tempat yang tetap bagi perniagaan di mana perniagaan enterpris itu dijalankan pada ke semuanya atau sebahagiannya.
2. Istilah “pertubuhan tetap” hendaklah termasuk terutama sekali :
 - (a) suatu tempat pengurusan;
 - (b) suatu cawangan;
 - (c) suatu pejabat;
 - (d) suatu kilang;
 - (e) suatu woksypop;
 - (f) suatu lombong, telaga minyak; kuari atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi;
 - (g) suatu tapakbina bangunan atau pembinaan, suatu projek pemasangan atau pepasangan yang wujud selama lebih daripada enam bulan;
 - (h) suatu penternak atau ladang;
 - (i) suatu tempat pengeluaran kayu atau lain hasil hutan.
3. Istilah “pertubuhan tetap” tidak boleh disifatkan sebagai termasuk :
 - (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagang kepunyaan enterpris itu;
 - (b) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterpris atau semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
 - (c) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterpris itu semata-mata bagi maksud diproseskan oleh suatu enterpris yang lain;
 - (d) penyenggaraan suatu tempat yang tetap bagi perniagaan semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan, atau mengumpul maklumat, untuk enterpris itu;

- (e) penyenggaraan suatu tempat yang tetap bagi perniagaan semata-mata bagi maksud pengiklanan, bagi memberi maklumat, bagi penyelidikan saintifik atau bagi aktiviti-aktiviti yang seumpamanya yang bersifat persediaan atau bantuan, untuk enterprais itu.
4. Suatu enterprais bagi satu daripada Negara-negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara yang satu lagi itu jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan bersangkutan dengan projek pembinaan, pemasangan atau pemasangan yang diusahakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
5. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 6 Perkara ini, seorang yang bertindak dalam satu daripada Negara-negara Berjanji bagi pihak suatu enterprais Negara Berjanji yang satu lagi itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut jika:
- (a) ia telah dan lazimnya menjalankan dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut itu, suatu kuasa bagi membuat kontrek-kontrek di atas nama enterprais itu, kecuali jika aktiviti-aktivitinya terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan bagi enterprais itu; atau
 - (b) ia menyenggara dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut itu suatu Stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dari mana ia biasanya memenuhi pesanan-pesanan bagi pihak enterprais itu.
6. Suatu enterprais bagi satu daripada Negara-negara Berjanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ianya menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen kamsen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, jika orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka.
7. Nyataan bahawa suatu syarikat yang bermastautin di satu daripada Negara-negara Berjanji adalah mengawal atau adalah dikawal oleh suatu syarikat yang bermastautin dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu (samada melalui sesuatu pertubuhan tetap atau selainnya) tidaklah dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu pertubuhan tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

Perkara 6

PENDAPATAN DARI HARTA TAKALIH

1. Pendapatan dari harta takalih boleh dicukai di Negara Berjanji di mana terletak harta itu.
2. Istilah “harta takalih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang Negara Berjanji di mana terletak harta yang berkenaan itu. Walau bagaimanapun, istilah itu hendaklah termasuk harta yang menyertai harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan perhutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah dipakai, hak bagi menikmati harta takalih dan hak-hak terhadap bayaran-bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan, atau hak bagi mengusahakan, deposit galian, punca-punca dan lain-lain pengeluaran hasil bumi; kapal-kapal dan kapaludara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini hendaklah dipakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penggunaan secara langsung sewa atau penggunaan dalam apa-apa bentuk harta takalih.
4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan dari harta takalih suatu enterprais dan bagi pendapatan dari harta takalih yang digunakan untuk melaksanakan khidmat-khidmat profesyenal.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Pendapatan suatu enterprais bagi satu daripada Negara-negara Berjanji hendaklah dicukai hanya dalam Negara Berjanji itu, melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu menjalankan perniagaan seperti tersebut di atas, maka pendapatan enterprais itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi tetapi hanya di atas sekian banyak daripada pendapatan yang boleh dikaitkan kepada pertubuhan tetap itu.
2. Jika suatu enterprais bagi satu daripada Negara-negara Berjanji menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu pertubuhan tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dikaitkan kepada pertubuhan tetap itu dalam tiap-tiap satu Negara Berjanji pendapatan yang dijangka mungkin didapati olehnya jika sekiranya ia adalah suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan menyelenggarakan urusan dengan sepenuh kebebasan dengan enterprais yang baginya ianya adalah suatu pertubuhan tetap.
3. Dalam menentukan pendapatan suatu pertubuhan tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan semua perbelanjaan-perbelanjaan termasuk perbelanjaan-perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am, yang sepatutnya dipotong jika sekiranya pertubuhan tetap itu adalah suatu enterprais yang bebas setakat mana perbelanjaan-perbelanjaan itu diperuntukkan dengan menasabahnya kepada pertubuhan tetap itu, samada dilakukan di Negara Berjanji di mana terletaknya pertubuhan tetap itu atau di tempat lain.
4. Setakat mana yang telah menjadi kelaziman di satu daripada Negara-negara Berjanji bagi menentukan pendapatan yang akan dikaitkan kepada pertubuhan tetap atas asas pembahagian jumlah pendapatan enterprais kepada berbagai-bagai bahagiannya, tiada apa-apa jua dalam perenggan 2 Perkara ini boleh menghalang Negara Berjanji itu daripada menentukan pendapatan yang akan dicukai itu oleh pembahagian itu sebagaimana yang lazim; walau bagaimanapun cara pembahagian yang digunakan itu hendaklah suatu yang mana hasilnya akan menurut prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Perkara ini.
5. Tiada apa-apa pendapatan boleh dikaitkan kepada suatu pertubuhan tetap semata-mata oleh kerana pertubuhan tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.
6. Untuk maksud-maksud perenggan-perenggan yang terdahulu dalam Perkara ini, pendapatan yang hendak dikaitkan kepada pertubuhan tetap itu hendaklah ditentukan dengan cara yang sama setahun demi setahun kecuali jika terdapat sebab yang baik dan mencukupi pada asasnya.

7. Jika pendapatan termasuk butiran-butiran pendapatan yang diselenggarakan secara berasingan dalam Perkara-perkara lain dalam Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-perkara itu tidaklah disentuh oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Pendapatan daripada suatu enterprais kepunyaan satu daripada Negara-negara Berjanji yang didapati dari pengendalian kapal-kapal atau kapaludara dalam lalu lintas antarabangsa hendaklah dicukai hanya di Negara Berjanji itu sahaja.
2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah juga dipakai kepada pendapatan yang diperolehi daripada penyertaan di dalam suatu kumpulan, perniagaan bersama atau suatu ejensi yang dikendalikan secara antarabangsa.

Perkara 9

ENTERPRAIS-ENTERPRAIS BERSEKUTU

Jika—

- (a) suatu enterprais bagi satu daripada Negara-negara Berjanji mengambil bahagian secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi Negara yang satu lagi itu; atau
- (b) orang-orang yang sama mengambil bahagian secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi satu daripada Negara-negara Berjanji dan bagi suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu;

dan dalam mana-mana satu hal itu, syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua enterprais itu, dalam perhubungan perniagaan dan kewangan mereka, yang berlainan dengan syarat-syarat yang sepatutnya dibuat antara enterprais-enterprais bebas, maka, apa-apa pendapatan yang sepatutnya terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu tetapi oleh kerana syarat-syarat itu telah tidak terakru sedemikian, bolehlah dimasukkan dalam pendapatan enterprais itu dan dicukai dengan sewajarnya.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di satu daripada Negara-negara Berjanji kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
2. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia kepada seorang pemastautin Switzerland hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai yang kena bayar atas dividen-dividen di Malaysia sebagai tambahan kepada cukai yang dikenakan berkenaan dengan pendapatan syarikat itu.
3. Jika selepas tarikh penandatanganan Perjanjian ini sistem percukaian di Malaysia yang dipakai kepada pendapatan dan pembahagian-pembahagian syarikat-syarikat diubah dengan memasukkan pemakaian cukai perbadanan (yang baginya tiada kredit diberi kepada pemegang

syer) dan cukai dividen lanjutan, maka cukai Malaysia yang dikenakan atas dividen-dividen yang telah dibayar kepada pemastautin Switzerland tidak boleh melebihi :

(a) 5 peratus jumlah kasar dividen-dividen jika penerima itu adalah sebuah syarikat (tidak termasuk perkongsian) yang memegang secara langsung sekurang-kurangnya 25 peratus dari modal syarikat yang membayar dividen-dividen itu;

(b) dalam semua hal lain, 15 peratus dari jumlah kasar dividen-dividen.

4. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di Switzerland kepada seorang pemastautin Malaysia boleh dicukai di Switzerland, dan menurut undang-undang Switzerland, tetapi cukai yang dikenakan sedemikian tidaklah boleh melebihi :

(a) 5 peratus dari jumlah kasar dividen-dividen jika penerima adalah sebuah syarikat (tidak termasuk perkongsian) yang memegang secara langsung sekurang-kurangnya 25 peratus dari modal syarikat yang membayar dividen-dividen itu;

(b) dalam semua hal lain, 15 peratus dari jumlah kasar dividen-dividen.

5. Istilah “dividen-dividen” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada syer-syer atau hak-hak, yang bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan-keuntungan atau pendapatan, dan juga pendapatan daripada hak-hak perbadanan yang lain yang disatukan kepada pendapatan daripada syer-syer oleh undang-undang percukaian Negara Berjanji di mana syarikat yang membuat pembahagian itu bermastautin.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2, 3 dan 4 tidaklah dipakai jika penerima dividen-dividen itu, yang menjadi seorang pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi di mana syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah pemastautin, suatu pertubuhan tetap yang mana pemegangan yang menurutnya dividen-dividen adalah dibayar adalah dikaitkan dengan berkesannya. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

7. Jika suatu syarikat yang bermastautin di satu daripada Negara-negara Berjanji mendapat pendapatan daripada Negara Berjanji yang satu lagi itu, maka Negara Berjanji yang satu lagi itu tidaklah boleh mengenakan apa-apa cukai atas dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat itu kepada orang-orang yang bukan pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau menaklokan keuntungan-keuntungan syarikat itu yang belum dibahagi-bahagikan kepada suatu cukai ke atas keuntungan-keuntungan yang belum dibahagi-bahagikan mengandungi kesemuanya atau pada sebahagiannya keuntungan-keuntungan atau pendapatan yang timbul dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

8. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia hendaklah termasuk dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di Singapura yang mana bagi maksud dividen-dividen itu telah mengisytiharkan dirinya sebagai pemastautin Malaysia, tetapi tidaklah termasuk dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang bermastautin di Malaysia yang mana bagi maksud dividen-dividen itu telah mengisytiharkan dirinya sebagai pemastautin Singapura.

Perkara 11**BUNGA**

1. Bunga yang timbul dari satu daripada Negara-negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu bolehlah dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, bunga itu bolehlah dicukai dalam Negara Berjanji di mana ianya tumbuh, dan menurut undang-undang Negara Berjanji itu, tetapi cukai yang dikenakan sedemikian tidaklah boleh melebihi 10 peratus daripada jumlah kasar bunga itu.
3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini, bunga yang timbul dalam Malaysia dan dibayar kepada seorang pemastautin Switzerland hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman atau hutang-piutang lain yang mengenainya bunga itu dibayar adalah pinjaman yang diluluskan. Istilah “pinjaman yang diluluskan” ertinya apa-apa pinjaman atau hutang-hutang lain yang diluluskan oleh pihakberkuasa layak bagi Malaysia.
4. Istilah “bunga” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya pendapatan daripada sekuriti-sekuriti Kerajaan, bon-bon atau dibencar-dibencar, samada atau tidak dicagarkan dengan gadaijanji dan samada atau tidak menjalankan suatu hak untuk mengambil bahagian dalam keuntungan-keuntungan, dan lain-lain tuntutan hutang segala jenis juga segala pendapatan lain yang disatukan kepada pendapatan daripada wang yang dipinjamkan oleh undang-undang percukaian Negara Berjanji di mana pendapatan itu timbul.
5. Bunga hendaklah disifatkan sebagai telah timbul dalam suatu daripada Negara-negara Berjanji apabila pembayar itu ialah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatan atau badan berkanun atau seorang pemastautin Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun orang yang membayar bunga itu, samada ianya seorang pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji itu atau tidak, mempunyai dalam satu daripada Negara-negara Berjanji itu suatu pertubuhan tetap yang berkenaan dengannya hutang yang di atasnya bunga itu telah dibayar telah dilakukan dan bunga itu ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai timbul di dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.
6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini tidaklah dipakai jika penerima bunga itu, yang menjadi pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji itu, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana bunga itu timbul suatu pertubuhan tetap yang mana tuntutan-hutang daripada mana bunga itu timbul adalah dikaitkan dengan berkesannya. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.
7. Jika, oleh kerana sesuatu perhubungan khas antara pembayar dan penerima atau antara kedua-dua mereka dan sesiapa lain, jumlah bunga yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada tuntutan-hutang yang ianya dibayar, melebihi jumlah yang mungkin akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima dalam ketiadaan perhubungan itu, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya kepada jumlah yang akhir tersebut. Dalam hal yang demikian, bahagian yang daripada bayaran-bayaran itu hendaklah terus dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti-royalti yang timbul dari satu daripada Negara-negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun, royalti-royalti itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana ianya timbul, dan menurut undang-undang Negara itu, tetapi cukai yang dikenakan sedemikian tidaklah boleh melebihi 10 peratus jumlah kasar royalti-royalti itu.
3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara ini, royalti-royalti yang timbul dari Malaysia dan dibayar kepada seorang pemastautin Switzerland hendaklah terkecuali daripada cukai Malaysia jika royalti-royalti itu diluluskan oleh pihakberkuasa layak bagi Malaysia.
4. Istilah “royalti-royalti” sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran yang diterima sebagai balasan bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan apa-apa hakcipta mengenai karya sastera, pekerjaan seni atau sains, apa-apa patent, cap dagangan, rekabentuk atau modal, pelan, proses formula rahsia atau bagi penggunaan, atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perusahaan, perdagangan atau sains, atau untuk mendapat maklumat berkenaan dengan pengalaman perusahaan, perdagangan atau sains.
5. Royalti-royalti hendaklah disifatkan sebagai timbul dari satu daripada Negara-negara Berjanji jika pembayar itu ialah Negara Berjanji itu sendiri, suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatan atau badan berkanunnya atau seseorang pemastautin Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti-royalti itu, samada ia adalah seorang pemastautin satu daripada Negara-negara Berjanji atau tidak, mempunyai dalam satu daripada Negara-negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berkenaan dengannya tanggungan untuk membayar royalti-royalti itu telah dilakukan dan royalti-royalti itu adalah ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, royalti-royalti itu hendaklah disifatkan sebagai timbul di dalam Negara Berjanji di mana pertubuhan tetap itu terletak.
6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 3 Perkara ini tidaklah dipakai jika penerima royalti-royalti itu, yang menjadi pemastautin satu daripada Negara-negara Berjanji itu, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana royalti-royalti itu timbul suatu pertubuhan tetap yang dengannya hak atau harta yang menimbulkan royalti-royalti itu dikaitkan dengan berkesannya. Dalam hal yang demikian peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.
7. Jika, oleh kerana suatu perhubungan khas antara pembayar dan penerima atau antara kedua-dua mereka dan beberapa orang lain, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang baginya ianya dibayar, melebihi jumlah yang mungkin akan dipersetujui oleh pembayar dan penerima dalam ketiadaan perhubungan itu, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya kepada jumlah yang akhir tersebut. Dalam hal yang demikian, bahagian yang berlebihan daripada bayaran-bayaran itu hendaklah terus dikenakan cukai menurut undang-undang tiap-tiap Negara Berjanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 13**KELABAAN MODAL**

1. Keuntungan daripada pemberianmilik bagi harta takalih, sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 2 Perkara 6, boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana harta itu terletak.
2. Keuntungan daripada pemberianmilik bagi harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan bagi suatu pertubuhan tetap yang suatu enterpris bagi satu daripada Negara-negara Berjanji, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi, termasuk keuntungan daripada pemberianmilik bagi pertubuhan tetap sedemikian (bersendirian atau bersama dengan kesemua enterpris itu), boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Walau bagaimanapun, keuntungan yang didapati oleh seorang pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji itu daripada pemberianmilik kapal-kapal dan kapaludara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa dan harta alih berkaitan dengan pengendalian kapal-kapal dan kapaludara itu hendaklah dicukai hanya di dalam Negara Berjanji itu.
3. Keuntungan daripada pemberianmilik apa-apa harta selain daripada yang tersebut dalam perenggan 1 dan 2, hendaklah dikenakan cukai hanya di dalam Negara Berjanji di mana pemberianmilik itu adalah seorang pemastautin.

Perkara 14**KHIDMAT-KHIDMAT DIRI**

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara 15 dan Perkara-perkara 16, 17, 18, 19 dan 20 gaji, dan saraan-saraan lain yang seumpamanya berkenaan dengan suatu pekerjaan dan juga pendapatan berkenaan dengan khidmat-khidmat profesyenal atau aktiviti-aktiviti bebas lain yang seumpamanya, didapati oleh seorang pemastautin bagi satu daripada Negara Berjanji hendaklah dicukai hanya dalam Negara Berjanji itu, melainkan pekerjaan, khidmat-khidmat atau aktiviti-aktiviti itu dijalankan atau dilaksanakan di dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Jika pekerjaan, khidmat-khidmat atau aktiviti-aktiviti itu dijalankan atau dilaksanakan sedemikian, maka saraan sebagaimana yang diperolehi daripadanya boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
2. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini, saraan atau pendapatan yang didapati oleh seorang pemastautin satu daripada Negara-negara Berjanji itu berkenaan dengan suatu pekerjaan, khidmat-khidmat atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan atau dilaksanakan dalam suatu tahun kalendar di Negara Berjanji yang satu lagi itu hendaklah dicukai hanya di Negara Berjanji yang mula-mula tersebut jika :
 - (a) penerima berada di dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh yang tidak lebih daripada jumlah 183 hari dalam tahun kalendar yang berkenaan; dan
 - (b) khidmat-khidmat atau aktiviti-aktiviti dijalankan atau dilaksanakan bagi atau bagi pihak seorang yang bukan pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu; dan
 - (c) saraan atau pendapatan itu tidak dipotong secara terus daripada pendapatan suatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh seorang itu di Negara Berjanji yang satu lagi itu.

3. Walau apa-apapun peruntukan-peruntukan yang terdahulu dalam Perkara ini, saraan berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di atas kapal atau kapaludara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa oleh suatu enterprais bagi satu daripada Negara-negara Berjanji boleh dicukai dalam Negara Berjanji itu

Perkara 15

BAYARAN KEPADA PENGARAH-PENGARAH

1. Bayaran kepada pengarah-pengarah dan bayaran-bayaran yang seumpamanya yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji atas sifatnya sebagai ahli jemaah pengarah bagi suatu syarikat yang bermastautin dalam Negara Berjanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan Perkara 14 hendaklah dipakai kepada apa-apa saraan yang didapati oleh ahli lembaga pengarah syarikat tersebut berkenaan dengan khidmat-khidmat yang diberi kepada syarikat itu dalam apa-apa sifatnya selain dari menjadi mengarah.

Perkara 16

SENIMAN-SENIMAN DAN OLAHRAGAWAN-OLAHHRAGAWAN

1. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 14, pendapatan yang didapati oleh penghibur-penghibur, seperti seniman-seniman panggung pentas, wayang gambar, radio atau talivisyen, dan ahli-ahli muzik, dan oleh olahragawan-olahragawan, sebagai pemastautin di satu daripada Negara-negara Berjanji dari aktiviti-aktiviti diri yang dijalankan sedemikian dalam Negara Berjanji yang satu lagi boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, melainkan jika aktiviti-aktiviti dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu disokong sepenuhnya atau pada sebahagian besarnya daripada tabung-tabung awam Negara Berjanji yang pertama tersebut, suatu bahagian-kecil politik atau suatu pihakberkuasa tempatan.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini hendaklah juga dipakai, walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara 7 dan 14, kepada pendapatan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti diri seorang penghibur atau olahragawan itu yang tidak terakru kepada penghibur atau olahragawan itu tetapi kepada seorang lain.

Perkara 17

PENCEN-PENCEN DAN ANUITI-ANUITI

Apa-apa pencen (selain daripada suatu pencen dari jenis yang disebutkan dalam Perkara 18) dan saraan lain yang serupa dibayar kepada seorang pemastautin suatu Negara Berjanji sebagai balasan kepada pekerjaan yang lepas atau apa-apa anuiti yang dibayar kepada seorang pemastautin itu hendaklah dicukai hanya dalam Negara Berjanji itu.

Perkara 18

SARAAN DAN PENCEN KERAJAAN

1. Saraan, lain daripada suatu pencen, yang dibayar oleh atau daripada tabung-tabung yang diwujudkan oleh satu daripada Negara-negara Berjanji, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau suatu badan berkanun kepada seseorang perseorangan yang menjadi seorang rakyat Negara Berjanji itu berkenaan dengan khidmat-khidmat yang diberi kepada Negara Berjanji, bahagian-kecil politik,

pihakberkuasa tempatan atau badan berkanun itu dalam Negara Berjanji yang satu lagi pada menjalankan tugas-tugas yang berjenis kerajaan hendaklah dicukai hanya dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut itu.

2. Peruntukan-peruntukan Perkara 14 hendaklah, walau bagaimanapun, dipakai kepada saraan berkenaan dengan khidmat-khidmat yang diberi berkenaan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh satu Negara Berjanji, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau badan berkanun.

3. Apa-apa pencen yang dibayar oleh atau daripada tabung-tabung yang diwujudkan oleh satu daripada Negara-negara Berjanji, suatu bahagian-kecil politik, suatu pihakberkuasa tempatan atau suatu badan berkanun kepada seseorang perseorangan berkenaan dengan khidmat-khidmatnya yang lepas yang telah diberi kepada Negara Berjanji, bahagian-kecil politik, pihakberkuasa tempatan atau badan berkanun itu pada menjalankan tugas-tugas berjenis kerajaan hendaklah dicukai hanya dalam Negara Berjanji itu.

Perkara 19

PROFESOR DAN GURU

Seorang perseorangan yang bermastautin di satu daripada Negara-negara Berjanji sebelum sahaja membuat lawatan ke Negara Berjanji yang satu lagi itu, dan yang atas jemputan Negara Berjanji yang satu lagi itu atau sebuah universiti, maktab, sekolah atau institusi pelajaran lain yang diiktirafkan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, melawat Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi suatu tempoh tidak lebih daripada dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau membuat penyelidikan atau kedua-duanya di institusi pelajaran itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atas saraannya bagi mengajar atau membuat penyelidikan itu.

Perkara 20

PELAJAR-PELAJAR

1. Bayaran yang seorang pelajar atau aprentis perniagaan yang menjadi atau dahulunya menjadi seorang pemastautin satu daripada Negara-negara Berjanji dan yang berada dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata bagi maksud pelajaran atau latihannya diterima bagi maksud penyenggaraan, pelajaran atau latihannya tidak boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Seorang perseorangan yang menjadi atau dahulunya menjadi seorang pemastautin satu daripada Negara-negara Berjanji dan yang berada dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud pelajaran, penyelidikan atau latihan atau memperolehi pengalaman teknik, profesyenal atau perniagaan dan yang menjalankan suatu pekerjaan di dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi sesuatu tempoh atau tempoh-tempoh tidak lebih daripada jumlah dua belas bulan hendaklah dikecualikan cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atas saraan berkenaan dengan pekerjaan ini dengan syarat pekerjaan itu adalah secara langsung berkaitan dengan pelajaran-pelajaran, penyelidikan, latihan atau dalam memperolehi pengalamannya dan saraan daripada pekerjaan itu tidak lebih daripada 12,000 francs Switzerland atau sejumlah yang sama nilainya dengan wang Malaysia atas kadar penukaran resmi.

Perkara 21

CARA MENGHAPUSKAN CUKAI DUA KALI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia berkenaan dengan bahagian yang dibenarkan sebagai kredit terhadap cukai Malaysia bagi cukai yang kena dibayar dalam sesuatu negeri selain daripada Malaysia, jumlah cukai Swiss yang kena dibayar di bawah undang-undang Switzerland dan mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini oleh seorang pemastautin Malaysia mengenai pendapatannya dari punca-punca dalam Negeri Switzerland yang dikenakan cukai dalam kedua-dua Malaysia dan Switzerland hendaklah diambilkira sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia yang kena dibayar berkenaan dengan pendapatan itu, tetapi amaun itu tidak melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar atas pendapatan yang sama berbanding dengan kesemua jumlah pendapatan seorang yang kena dibayar di bawah undang-undang cukai Malaysia.

2. Jika seorang pemastautin Switzerland mendapati pendapatan yang boleh dicukai di Malaysia mengikut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, maka Switzerland hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, 4 dan 5 Perkara ini, mengecualikan pendapatan itu daripada cukai tetapi boleh, apabila mengira cukai atas pendapatan bakinya bagi pemastautin itu, mengenakan kadar cukai yang sepatutnya boleh dikenakan sekiranya pendapatan yang dikecualikan itu tidak dikecualikan sedemikian.

3. Jika seorang pemastautin Switzerland mendapati dividen-dividen, bunga atau royalti-royalti yang boleh dicukai di Malaysia mengikut peruntukan-peruntukan Perkara 10, 11 dan 12, maka Switzerland hendaklah membenarkan, atas permintaan, suatu relif kepada pemastautin itu. Relif itu boleh mengandungi :

- (a) suatu potongan daripada cukai atas perbadanan pemastautin itu sejumlah yang sama dengan cukai yang dilevi di Malaysia mengikut peruntukan-peruntukan Perkara 10, 11 dan 12; walau bagaimana pun, potongan itu tidaklah boleh melebihi bahagian cukai pendapatan Swiss, sebagaimana dihitung sebelum potongan itu diberi, yang berpatutan dengan pendapatan yang boleh dicukai di Malaysia; atau
- (b) suatu potongan jumlah pukal daripada cukai Swiss; atau
- (c) suatu pengecualian separa dividen-dividen, bunga atau royalti-royalti itu daripada cukai Swiss, dalam apa-apa hal pun sekurang-kurangnya mengandungi potongan cukai yang dilevikan di Malaysia daripada jumlah kasar dividen-dividen, bunga dan royalti-royalti itu.

Switzerland hendaklah menentukan relif yang hendak dipakai dan mengawal acaranya mengikut peruntukan-peruntukan Swiss mengenai perlaksanaan konvensyen antarabangsa Persekutuan Swiss bagi mengelakkan cukai dua kali.

4. Bagi relif yang diperuntukkan dalam perenggan 3 Perkara ini Switzerland hendaklah mengambil kira suatu jumlah yang bersamaan dengan 10 peratus jumlah bersih dividen-dividen itu, selama peruntukan perenggan 2 Perkara 10 ini dipakai.

5. Jika seorang pemastautin Switzerland mendapati bunga yang diperkatakan dalam perenggan 3 Perkara 11 atau royalti-royalti yang diperkatakan dalam perenggan 3 Perkara 12, daripada Malaysia, Switzerland hendaklah membenarkan, atas permintaan, suatu relif kepada pemastautin itu suatu jumlah yang bersamaan dengan 10 peratus jumlah kasar bunga atau royalti-royalti itu. Peruntukan-peruntukan perenggan 3 Perkara ini hendaklah dipakai sewajarnya.

6. Suatu syarikat yang menjadi pemastautin Switzerland dan yang mendapat dividen-dividen daripada syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia berhak, bagi maksud cukai Swiss berkenaan dengan dividen-dividen itu, kepada relif yang sama yang boleh diberi kepadanya jika sekiranya syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah menjadi pemastautin Switzerland.

Perkara 22

TIDAK BEZA MEMBEZA

1. Warganegara bagi satu daripada Negara-negara Berjanji tidak boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang mana adalah suatu yang lain daripada atau yang lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas warganegara Negara Berjanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan dan kedudukan yang sama.

2. Percukaian atas pertubuhan tetap yang dipunyai oleh suatu enterpris bagi satu daripada Negara-negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tidak boleh dilevi dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu dengan cara yang kurang baik daripada percukaian yang dilevi atas enterpris-enterpris Negara-negara Berjanji yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama dalam hal keadaan dan kedudukan yang sama.

3. Enterpris-enterpris bagi satu daripada Negara-negara Berjanji, yang modalnya adalah ke semuanya atau sebahagiannya dipunyai atau dikawal, secara langsung atau secara taklangsung, oleh seorang atau lebih pemastautin-pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, tidak boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut itu apa-apa percukaian atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang mana adalah lain atau lebih berat daripada percukaian dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas lain-lain enterpris-enterpris yang seumpamanya bagi Negara Berjanji yang pertama tersebut itu dalam hal keadaan dan kedudukan yang sama.

4. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Perkara ini boleh diertikan sebagai menghendaki satu daripada Negara Berjanji untuk memberikan kepada orang-orang perseorangan yang tidak bermastautin dalam Negara Berjanji itu apa-apa elaun, relif dan potongan persendirian untuk maksud-maksud cukai yang hanya diadakan melalui undang-undang, untuk pemastautin-pemastautin Negara Berjanji itu sahaja.

5. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Perkara ini boleh diertikan sebagai menghendaki satu daripada Negara Berjanji untuk memberikan kepada warganegara Negara Berjanji yang satu lagi itu yang tidak bermastautin dalam Negara Berjanji yang pertama tersebut elaun, relif dan potongan persendirian untuk maksud-maksud cukai yang hanya diadakan melalui undang-undang untuk warganegara Negara Berjanji yang pertama tersebut atau kepada orang-orang lain yang dinyatakan di dalamnya yang bukan pemastautin di Negara Berjanji itu.

6. Dalam Perkara ini istilah “percukaian” ertinya cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini.

Perkara 23

ACARA PERSEKUTUAN BERSAMA

1. Jika seorang pemastautin bagi satu daripada Negara-negara Berjanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh satu atau kedua-dua Negara Berjanji adalah atau akan mengakibatkan percukaian yang tidak bersaing dengan tujuan Perjanjian ini, maka ia boleh, walau apapun remidi yang diperuntukkan oleh undang-undang percukaian yang berkuatkuasa di Negara-negara Berjanji itu, mengemukakan halnya kepada pihakberkuasa yang layak bagi Negara Berjanji di mana ianya bermastautin.
2. Pihakberkuasa yang layak bagi Negara Berjanji yang pertama tersebut itu hendaklah berusaha, jika ia berpendapat bahawa bantuan itu adalah berpatutan dan jika ia sendiri tidak dapat membuat suatu penyelesaian yang sesuai, menyelesaikan hal itu dengan cara persetujuan bersama dengan pihakberkuasa yang layak bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu dengan tujuan bagi mengelakkan percukaian yang tidak mengikut Perjanjian ini.
3. Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang timbul tentang pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini. Mereka boleh juga berunding bersama-sama untuk menghapuskan percukaian dua kali dalam perkara-perkara yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.
4. Pihakberkuasa-pihakberkuasa yang layak bagi Negara-negara Berjanji boleh berhubung secara langsung di antara satu dengan lain bagi maksud menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

Perkara 24

PEGAWAI-PEGAWAI DIPLOMAT DAN KONSOL

1. Tiada apa-apa dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan-keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomat atau konsol di bawah kaedah-kaedah am antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.
2. Perjanjian ini tidak boleh dipakai kepada Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa, kepada warta-warta atau pegawai-pegawainya dan kepada orang-orang yang menjadi ahli suatu perwakilan diplomat atau konsol Negara Ketiga, yang berada di dalam suatu Negara Berjanji dan yang tidak disifatkan sebagai pemastautin dalam mana-mana satu Negara Berjanji berkenaan dengan cukai atas pendapatan.

Perkara 25

MULA BERKUATKUASA

Tiap-tiap Negara Berjanji hendaklah memberitahu Negara Berjanji yang satu lagi akan kesempurnaan acara yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi menguatkuasakan Perjanjian ini. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh pemberitahu yang terkemudian dari pemberitahu-pemberitahu itu dan hendaklah dengan itu mempunyai kesan :

(a) di Malaysia—

berkenaan dengan cukai Malaysia bagi tahun taksiran mulai daripada satu haribulan Januari, 1974 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya;

(b) di Switzerland—

berkenaan dengan cukai Swiss bagi tahun yang dikenakan cukai bermula daripada satu haribulan Januari, 1974 dan tahun-tahun yang dikenakan cukai yang berikutnya.

Perkara 26

PENAMATAN

